



# KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di dalam bidang/gred seperti di bawah yang pendaftarannya masih berkuatkuasa bagi menjalankan Perkhidmatan/Kerja seperti berikut :

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN
PB/PER/PPB/3/2/23	<p style="text-align: center;"><b>CADANGAN KONTRAK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SISTEM PENGGERA DAN SISTEM PENCEGAH KEBAKARAN BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS BERTAM.</b></p> <p>Harga Dokumen : RM50.00 Senaskah</p>	<p>a) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di dalam Kod Bidang:</p> <p style="padding-left: 40px;">220401 – Alat Kebombaan / Alat Penyelamat / Pemadam Api 220507 – Pump / Paip Air dan Kompenan 220503 – Perkakas / Sistem Elektrik</p> <p style="text-align: center;">DAN</p> <p>b) Berdaftar dengan CIDB</p> <p>Gred : G2 Kategori : M02 (Sistem Pencegah dan Perlindungan Kebakaran) Pengkhususan : M15 (Kelengkapan Mekanikal Pelbagai)</p> <p style="text-align: center;">DAN</p> <p>c) Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK)</p> <p style="text-align: center;">DAN</p> <p>d) Berdaftar dengan BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA sebagai kontraktor Alat Pemadam Api Mudah Alih.</p>

1. **Dokumen Sebut Harga**  
Dokumen Meja Sebut Harga mula dipamer pada **12/04/2023 di PEJABAT BENDAHARI UITM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS BERTAM** pada waktu pejabat 8.15 pagi – 4.45 petang.
2. Lawatan Tapak/Taklimat bagi Sebut Harga di atas akan diadakan pada **17/04/2023 (ISNIN) JAM 10.30 PAGI BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT UTAMA, UITM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS BERTAM**
3. Kehadiran Petender ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. *Hanya Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor sahaja (PPK), Sijil perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Petender tidak boleh mewakili pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan.* Kontraktor yang **TIBA LEWAT** daripada masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut:
  - i. Tidak dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak
  - ii. Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini
  - iii. Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Sebut Harga yang dibuka ini
4. Dokumen Tawaran boleh dibeli **Selepas Taklimat dan Lawatan Tapak** di **Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam** pada waktu pejabat dengan menggunakan kaedah pembayaran pindahan atas talian (*online banking*) di atas nama BENDAHARI UiTM (No. Akaun : 07043011032914).
5. Petender-petender dikehendaki membawa **SIJIL ASAL KKM, PKK, Sijil Taraf Bumiputera, CIDB SPKK, CIDB** dalam gred seperti di atas dan menyerahkan satu **Salinan (fotostat)** semasa membeli Dokumen Sebut Harga tersebut.
6. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.
7. Tawaran Sebutharga akan ditutup pada **03/05/2023 (RABU) Jam 12.00 Tengahari.**
8. Tawaran Sebutharga akan ditutup pada masa yang ditetapkan. Tawaran Sebutharga yang lewat diterima dari waktu tutup **tidak akan dipertimbangkan.**